

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/09/1998

100,000 saksiikan perasmian penuh warna-warni

Keajaiban KL '98 terserlah...

Laporan Terkini
menerusi laman web
www.utusan.com.my/kl98

YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar memulakan upacara perasmian. Di sebelah kanan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta pengerusi CGF Michael Fennell.

PERKIHAN bunga api tulil mengilahi upacara pembukaan KL '98.

BINTANG raga dunia dari New Zealand, Jonah Cima turut sama menyertai persembahan.

SEBAHAGIAN atlet Australia melambatkan tangan kepada penonton sewaktu perasmian temasya KL '98.

KONTINJEN Malaysia sewaktu persembahan masuk ke Stadium Nasional, Bukit Jalil pada upacara perasmian.

menjadi pelari terakhir yang membawa Baitin Batu dan dalam suasana yang penuh penghormatan, meyerahkannya kepada Koh Eng Tong, rakyat Malaysia yang pertama memenangi pingat emas Sukan Komanwel, yang kemudiannya menyampaikan baten berkenaan kepada Fennell.

Koh memenangi pingat emas acara angkat berat kategori featherweight di Auckland pada 1950.

Fennell kemudiannya menyerahkan baten yang mengandungi perutusan daripada Ratu Elizabeth itu kepada Putera Edward yang membacakan mesej berkenaan.

Tiga lagi ahli yang pernah mengharumkan nama Malaysia turut menerima penghormatan pada majlis itu. Pelumba basikal Daud Ibrahim, pelari wanita M. Rajamani dan pemain badminton Yew Cheng Hoe mengiringi bendera Komanwel yang dinaikkan dengan diringi oleh lagu tema Sukan Komanwel Forever As One yang ditulis oleh komposer tempatan, Geh Boon Hoe.

UPACARA pembukaan rasmi Sukan Komanwel XVI (KL98) di Stadium Nasional malam tadi yang disiarkan sebagai yang paling gemilang dalam sejarah temasya itu, disaksikan secara langsung oleh berjuta-juta penonton dari beberapa negara luar.

Selain dipancarkan ke seluruh negara, siaran langsung itu juga diterima di Australia, New Zealand, Kanada, United Kingdom, Afrika Selatan dan Sri Lanka, kata seorang pegawai Radio Televisyen Malaysia.

Ia juga dipancarkan secara langsung oleh rangkaian televisyen satelit Star TV yang siarannya meliputi kebanyakan negara Asia.

Upacara perasmian sukan kedua terbesar itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar.

Sebanyak 2,000 wartawan dan penyiar antarabangsa berada di sini untuk membuat liputan sukan itu yang berlangsung sehingga 21 September ini.

Upacara pembukaan yang menyerlahkan kepelbagaian kaum dan budaya masyarakat majmuk di negara ini, diserikan lagi dengan persembahan bunga api dan sinaran laser.

Dalam membawa Sukan Komanwel ke benua Asia buat pertama kalinya, dan dengan mengutipkan buat seketika kemuncakan krisis ekonomi, Malaysia mengucapkan "Selamat Datang" kepada 5,000 atlet dari 70 negara ke sini dengan sambutan penuh kemessaraan mengikut tradisi Melayu yang diperturunkan sejak dari zaman Kesultanan Melaka lagi.

Semasa upacara tradisional itu berlangsung, suasana dalam stadium diserikan dengan kilauan dulang-dulang beristi "bunga emas" yang dibawa oleh barisan gadis dalam upacara "sirih junjung" yang mengiringi satu persembahan silat beramai-ramai.

Dengan tiga paluan gong oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar, tirai temasya sukan yang terakhir pada abad ini dibuka dengan rasminya. Sukan Komanwel selepas ini akan dilangsungkan di Manchester pada 2002.

Temakan meriam 16 das bergema di seluruh stadium sebak sebak yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Sukan Komanwel Ke-16 dibuka dengan rasminya.

Turut menyaksikan upacara itu dari tempat duduk diraja ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Presiden Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) Putera Edward yang mewakili bondanya, Ratu Elizabeth.

Queen Elizabeth akan memutup temasya sukan berkenaan pada 21 Sept.

Antara orang kemegahan yang hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pengerusi CGF Michael Fennell dari Jamaica, Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) Juan Antonio Samaranch dan menteri-menteri kabinet.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Sultan Hassan Bolkiah dari Brunei dan Perdana Menteri Fiji Jeneral Sitiveni Rabuka.

Sementara itu, dua atlet yang pernah memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel, pemain badminton Razif Sidek dan Sylvia Ng.